

Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam: Kajian Awal

Needs Analysis Model Arabic for Islamic Tourism: A Preliminary Study

Mohammad Imran Bin Ahmad¹, Mohammad Najib Bin Jaffar²

ABSTRAK

Kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian awal terhadap analisis keperluan linguistik bagi model Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam. Kajian ini berasaskan kepada teori Analisis Keperluan Bahasa yang dipelopori oleh Hutchinson dan teori Waters yang mengumpul maklumat mengenai keperluan pelancong Arab dan pengamal industri pelancongan yang terdiri daripada tiga elemen; keperluan (necessities), kekurangan (lacks) dan kehendak (wants). Keperluan adalah untuk mengesan faktor pelancong Arab memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam. Manakala kekurangan meninjau persepsi mengenai penggunaan bahasa Arab dalam sektor pelancongan Islam. Kehendak pula mengkaji kehendak pelancong Arab terhadap penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pelancongan Islam. Kajian ini akhirnya mencadangkan modul bahasa Arab untuk pelancongan Islam kepada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Lembah Klang, Malaysia.

Katakunci: Bahasa Arab Pelancongan Islam, Analisis Keperluan, Keperluan, Kekurangan, Kehendak

ABSTRACT

The study is based on a preliminary study of linguistic needs analysis of Arabic for Islamic tourism. The study uses the “need analysis philosophy” of language teaching mainly from Hutchinson and Waters theory to collect information about the needs of learners, which consists of three elements; necessities, lacks, and wants. The “necessities” is to detect the factors of Arab tourists chose Malaysia as the Islamic tourism destination. The “lacks” is to define the perception of using the Arabic language in Islamic tourism sector. Meanwhile, the “wants” is to identify the will of Arab tourist to use Arabic language in Islamic tourism sector. This study finally proposes module of Arabic for Islamic Tourism for both government and private universities in Malaysia.

Keywords: Arabic For Islamic Tourism, Need Analysis, Necessities, Lacks, Wants

Pendahuluan

Mengembara dan melancong sememangnya telah menjadi sebahagian dari cara hidup umat Islam. Malah Islam mengalakkan umatnya untuk mengembara dan mengenali dunia, memahami serta menghargai keajaiban ciptaan Allah S.W.T. Mengembara dalam Islam

¹ Mohammad Imran Bin Ahmad, Calon PhD, Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM, imranahmad@kuis.edu.my

² PM. Dr. Mohammad Najib Bin Jaffar, PhD, Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM, najib@usim.edu.my

adalah merupakan suatu aktiviti yang bermatlamat bagi mencapai keperluan fizikal, sosial dan rohani (Kadir, 1989). Firman Allah:

“Katakanlah (wahai Muhammad) mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah memulakan ciptaan makhluk dari asal jadinya: kemudian Allah akakan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baharu. Sesungguhnya Allah maha kuasa atas setiap sesuatu”

(Al-Ankabut:20)

Secara tradisi, pelancongan Islam dikaitkan dengan aktiviti keagamaan seperti haji dan umrah. Dimensi pelancongan Islam menjadi semakin meluas apabila semakin ramai manusia mula menjelajah keluar ke destinasi-destinasi Islam yang lain. Kewujudan dimensi baru ini telah mendorong kepada perubahan dan perkembangan komponen-komponen lain yang berkaitan dengan industri pelancongan iaitu industri pemakanan, penerbangan, pengangkutan dan sebagainya.

Malaysia adalah sebuah negara yang tidak ketinggalan menyediakan pakej pelancongan Islam ini. Pelancong Islam terutama dari negara timur tengah telah mula menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka khususnya pada percutian musim panas. Jumlah pelancong Arab yang melancong ke Malaysia semakin bertambah setiap tahun khususnya selepas peristiwa 11 September 2001. Melihat kepada senario ini, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelancongan dan disokong oleh agensi lain telah melipatgandakan usaha menarik lebih ramai pelancong Arab supaya menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan mereka. (Sulaiman, 2008)

Statistik Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*) menunjukkan 21.75 peratus daripada 25 juta orang pelancong asing yang melawat Malaysia pada tahun 2012 terdiri daripada pelancong Muslim. Negara Timur Tengah menunjukkan jumlah pelancong Muslim tertinggi selepas pelancong Muslim dari Indonesia dan Singapura iaitu sebanyak 138 869 orang. Mereka adalah berasal dari Emiriah Arab bersatu, Arab Saudi, Bahrain, Syria, Lubnan, Mesir, Yaman, Oman, Qatar, Iraq, Kuwait, Jordan, Maghribi, Algeria, Libya, Tunisia, Sudan, Habsyah, Djibouti, dan Mauritiana. Jika dilihat pada jumlah ketibaan pelancong, pendapatan purata penginapan dan per kapita tahun 2011, negara utama Timur Tengah, iaitu Arab Saudi mencatatkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong, iaitu 86 771 orang (2010) kepada 87 693 orang (2011). Purata tempoh penginapan mereka pula ialah antara 9.3 hari dengan 9.6 hari, manakala purata perbelanjaan per kapita mereka meningkat, iaitu RM8047.1 (2010) kepada RM8154.8 (2011). Jumlah pendapatan daripada aktiviti pelancongan pula mencatatkan peningkatan, iaitu RM698.3 juta (2010) kepada RM717.1 juta (2011). (Dewan Budaya, 2013).

Kajian mengenai kepentingan bahasa Arab di dalam industri pelancongan Islam masih belum banyak yang dihasilkan. Walau bagaimanapun terdapat kajian yang dilakukan oleh Abdul Halim Salleh (2005) dalam tesis sarjana beliau yang telah menggubal kurikulum bahasa Arab untuk para jemaah haji dan umrah akan tetapi kajian ini hanya menyentuh tentang lawatan ke tempat-tempat ibadah haji & umrah di Haramain sahaja tanpa melibatkan tempat-tempat pelancongan Islam yang terdapat di Malaysia. Penyelidikan ini akan dijalankan menggunakan kaedah pengedaran kaji selidik terhadap responden untuk mendapatkan input mereka terhadap analisis keperluan bahasa Arab untuk pelancongan Islam.

Bagi meningkatkan sistem perkhidmatan pelancongan Islam di Malaysia terutama bagi pelancong Timur Tengah, negara memerlukan kepada model bagi menganalisis keperluan Bahasa Arab untuk pelancongan Islam. Model ini akan diimplementasikan mengikut keutamaan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur bagi menilai keberkesanan ke arah melancarkan sistem penyaluran maklumat dan informasi pelancongan di ibu negara. Bertitik tolak daripada ini, penyelidik merasakan perlunya satu pembinaan model keperluan analisis bahasa Arab untuk pelancongan Islam bagi memenuhi keperluan integrasi naqli dan aqli di Universiti Sains Islam Malaysia.

Pernyataan Masalah

Medium bahasa yang digunakan oleh pelancong Arab adalah bahasa Arab. Penggunaan bahasa tersebut di dalam bidang pelancongan Islam di Malaysia memerlukan persediaan tenaga kerja yang mahir dan kemudahan lain yang berkaitan. Persediaan ini amat penting dalam memastikan objektif memberikan perkhidmatan terbaik dan mesra kepada pelanggan tercapai, khususnya kepada pelancong Arab. Melihat kepada senario ini kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelancongan disokong oleh agensi lain perlu melipat gandakan usaha menarik lebih ramai pelancong arab supaya terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam mereka.

Bertitik tolak daripada isu ini, penyelidik merasakan perlu ada satu model bagi menganalisis keperluan bahasa Arab untuk pelancongan Islam di Malaysia terutama di bandaraya Kuala Lumpur. Kajian terhadap faktor (*necessities*) pelancong Arab memilih Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan Islam perlu dianalisis. Seterusnya penyelidik perlu juga menganalisis persepsi pelancong Arab mengenai kekurangan (*lacks*) serta kehendak (*wants*) mereka terhadap penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pelancongan Islam di Kuala Lumpur. Melalui kajian ini, model bahasa Arab pelancongan Islam akan dibina sekali gus menyumbang kepada pembangunan industri pelancongan Islam di Malaysia.

Persoalan Kajian

1. Apakah bentuk Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam mengikut Integrasi Naqli dan Aqli?
2. Bagaimanakah Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam dapat diimplementasikan di sekitar bandar Kuala Lumpur.
3. Sejauh manakah keberkesanan Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam dapat diukur di sekitar bandar Kuala Lumpur.

Objektif Kajian

1. Membina satu Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam mengikut Integrasi Naqli dan Aqli.
2. Mengimplementasikan Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam kepada cabang-cabangnya mengikut keutamaan di sekitar bandar Kuala Lumpur.
3. Menilai dan mengukur keberkesanan Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam di sekitar bandar Kuala Lumpur.

Kajian Literatur

Kajian yang membabitkan analisis model bahasa Arab untuk pelancongan Islam ini belum pernah dijalankan sebelum ini. Berdasarkan maklumat dan pembacaan pengkaji sama ada dalam bentuk bahan bertulis di perpustakaan mahu pun di internet, tiada penyelidikan dan kajian di Malaysia dilakukan setakat ini membabitkan penggunaan bahasa ini dengan pelancongan Islam. Walaupun kajian berkaitan penggunaan bahasa arab dalam konteks pelancongan telah dijalankan oleh para pengkaji, namun kajian tentang penggunaan bahasa arab dalam pelancongan Islam belum pernah dijalankan sebelum ini.

Antara kajian yang melibatkan bahasa Arab dengan pelancongan umum di Malaysia ialah kajian yang dilakukan oleh Nurul Husna binti Roslan (2015) di dalam tesis sarjananya *at-Tahaddiyat al-Lati Yuwaajihuha Tolabah al-Kuliyah al-Jami'iyah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah Bi Selanjur* (KUIS) *Fi Ta'alum al-Lughah al-'Arabiah Li Aghrad Siyahiyah : Dirasah Midaniah*, menyatakan bahawa subjek Bahasa Arab Untuk Pelancongan (BAUTP) di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) merupakan subjek wajib kepada para pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi pengkhususan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. Kajian ini membincangkan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pelajar Bahasa Arab ketika mempelajari subjek Bahasa Arab Untuk Pelancongan di KUIS dan sebab-sebabnya. Untuk kajian ini, penulis menggunakan kaedah Kualitatif dengan menjalankan sesi temubual separa struktur. Temubual dijalankan ke atas 19 orang pelajar Akademi Islam (AI) di KUIS yang mengambil subjek Bahasa Arab Untuk Pelancongan. Kelompok responden dibahagikan kepada 3 kumpulan yang mana setiap kumpulan terdiri daripada 6-7 orang pelajar. Proses pengumpulan maklumat dijalankan dan data kajian dianalisa menggunakan program perisian ATLAS.ti versi 7.1.4. Walau bagaimana pun, kajian ini tidak mengkaji BAUTP Islam secara khusus memandangkan berdasarkan pemerhatian dan pengalaman pengkaji, aspek pelancongan Islam tidak terkandung di dalam proforma subjek ini.

Manakala Muhammad Nizwan Musligh (2015) di dalam kajiannya *Tahlil Al-Hajat Al-Lughawiyah Al-Syai'eah fi Mawaqif Al-Tawasul Al-Syafahi bi Al-Lughah Al-Arabiyyah li Saiqi Al-Taksi Al-Maliziyyin bi Matar Kuala Lumpur Al-Duwali (KLIA)* menganalisis keperluan bahasa Arab dalam kalangan pemandu teksi Malaysia di KLIA yang tersenarai dalam program Duta Teksi Pelancongan, untuk berkomunikasi lisan dengan penumpang atau pelancong Arab. Bagi menganalisis keperluan bahasa ini, teori Hutchinson dan Waters telah diadaptasi yang terdiri daripada 3 elemen 1) *necessities* untuk mengenal pasti situasi-situasi di mana komunikasi lisan berlaku, 2) *lacks* untuk mengetahui kosa kata atau frasa bahasa Arab yang mereka perlukan dalam komunikasi tersebut, 3) *wants* untuk mendapatkan medium pembelajaran yang digemari oleh para pemandu teksi. Untuk mencapai matlamat ini, kajian menggunakan pendekatan kualitatif, di mana temu bual secara fokus berkumpulan dengan 6 orang pemandu teksi yang berpengalaman daripada Syarikat Airport Limo (M) Sdn Bhd dijalankan. Data kajian telah dianalisis menggunakan program ATLAS. ti 7.1.4. Dapatan kajian menunjukkan keperluan komunikasi lisan dalam bahasa Arab sangat jelas yang terdapat di 24 situasi dalam 3 fungsi utama, iaitu komunikasi sosial (seperti ucapan selamat datang dan salam) dan komunikasi kerjaya (seperti penyediaan perkhidmatan dan bantuan). Walau bagaimana pun, kelemahan berbahasa Arab yang ketara mempunyai signifikan besar supaya mengurangkan jurang antara apa yang mereka tahu dan apa yang mereka perlukan dalam realiti kerja. Oleh itu, kajian ini mendapati terdapat 6 medium pembelajaran yang digemari oleh peserta kajian dalam mempelajari kosa kata dan frasa Arab selaras dengan kehendak psikologi dan keperluan kerjaya mereka.

Dalam pada itu, Mohammad Najib Jaffar (2013) dalam kajiannya berkaitan dengan modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan Di IPT Malaysia menumpukan kepada kajian terhadap keberkesanan modul pengajaran bahasa arab pelancongan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 126 pelajar di tiga IPT iaitu USIM, UiTM, dan KUIS yang menawarkan subjek Bahasa Arab Pelancongan. Mereka terdiri daripada 30 pelajar lelaki dan 96 pelajar perempuan. Kajian ini mendapati peratusan sikap dan motivasi terhadap modul pengajaran bahasa arab pelancongan adalah tinggi dengan peratusan sebanyak hamper 90%. Responden juga mempunyai persetujuan yang agak baik terhadap keberkesanan modul pengajaran bahasa arab pelancongan dengan skor minima = 3.63 dan $sp. = 0.65$. lebih 85% responden bersetuju bahawa modul pengajian bahasa arab pelancongan dapat diaplikasikan dalam bidang kerjaya di sektor pelancongan. Kebolehpercayaan instrument pengukuran adalah tinggi dengan cronbach alfa bagi sikap dan motivasi terhadap modul pengajian baharab pelancongan ialah 0.96. Kajian ini harus dikembangkan kepada sikap serta motivasi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pelancongan Islam di Malaysia bagi memberi nilai tambah kepada modul pengajian bahasa arab pelancongan sedia ada di IPT.

Sementara itu Zalika Adam (2013) dalam kajiannya *Ta'lim Al-Arabiyyah li Aghradh Siyahiyah fi Maliziyya : Tahlil Al-Hajat wa Tasmim Wihdah Dirasiyyah* menfokuskan kepada perbincangan mengenai ciri-ciri pengajaran bahasa Arab untuk tujuan pelancongan. Disamping itu, kajian ini juga mengkaji keperluan bahasa yang perlu ada bagi setiap ahli akademik bagi pengajaran Bahasa Arab Pelancongan untuk pengamal industri pelancongan. Kajian ini juga membincangkan pembinaan modul pengajaran bahasa Arab untuk tujuan Pelancongan. Kajian ini berjaya memperkenalkan modul pengajaran bagi kursus Bahasa Arab Pelancongan yang seiring dengan keperluan semasa pelajar dan pengamal industri pelancongan di Malaysia. Pengkaji telah mengemukakan konsep terkini pengajaran bahasa Arab untuk tujuan pelancongan, keperluan bahasa yang perlu ada dalam pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan pelancongan dan kurikulum yang bersepadu dalam pembinaan modul bahasa Arab untuk tujuan pelancongan. Namun begitu kajian ini tidak menyentuh kajian keperluan bahasa Arab bagi pelajar dalam sektor pelancongan Islam. Produk pelancongan Islam seperti makanan halal, pelancongan mesra ibadah dan sebagainya mampu memperkasakan lagi modul bahasa Arab untuk tujuan pelancongan sedia ada.

Huzanna Syamimi Ramli (2012) menjelaskan di dalam kajiannya berjudul *Pelancongan Pendidikan: Tinjauan Konseptual dan Potensinya di Malaysia*, bahawa pelancongan pendidikan semakin terkenal dalam kalangan pelajar antarabangsa di semua peringkat. Usaha Malaysia melaksanakan pembaharuan kalender akademik institut pengajian tinggi mengikut standard antarabangsa membolehkan negara ini mensasarkan kemasukan 150000 orang pelajar antarabangsa ke institut pengajian tinggi Malaysia menjelang tahun 2015. Malaysia mula dikenali sebagai destinasi pilihan utama bagi pengajian tinggi dan lanjutan. Ia terdorong oleh lebih 600 institusi pengajian tinggi dan awam dan swasta yang menawarkan pengajian di tahap pra universiti hingga ke tahap ijazah tinggi. Para pelajar asing yang datang Malaysia bukan sahaja mendapatkan pendidikan yang berkualiti, malah mereka juga mengambil kesempatan ini untuk mengenali tradisi dan kebudayaan negara selaras dengan konsep "*Malaysia Truly Asia*". Walau bagaimana pun, kajian ini tidak membincangkan produk pelancongan Islam secara khusus memandangkan kajian tersebut menfokuskan kepada faktor kepesatan pelancongan pendidikan di Malaysia.

Manakala Hj Sulaiman bin Ismail (2008) di dalam kajiannya mengenai persepsi pelancong Arab dan pihak penyedia perkhidmatan terhadap penggunaan bahasa Arab dalam

penyampaian maklumat dan informasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), memberikan gambaran terhadap persepsi pelancong Arab dan pihak penyedia perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur terhadap penggunaan bahasa Arab dalam penyampaian maklumat. Kajian mendapati bahawa kebanyakan pelancong Arab berpuas hati dengan kemudahan umum dan kemudahan informasi seperti penunjuk arah berbahasa arab yang disediakan di KLIA. Walaubagaimanapun, kemudahan informasi dalam bentuk bahan edaran bercetak seperti pamflet, brosur dan sebagainya amat kurang dan perlu diperbanyakkan untuk dijadikan panduan kepada pelancong Arab. Selain itu, perkhidmatan pemandu pelancong seperti *Ambassador* di kalangan pelajar USIM belum benar-benar memuaskan disebabkan kekurangan bilangan petugas dan kurangnya pendedahan mereka terhadap istilah-istilah khusus pelancongan. Oleh yang demikian, kajian mengenai pembangunan buku panduan Bahasa Arab Untuk Pemandu Pelancong perlu dilakukan bagi memenuhi keperluan sektor pelancongan khususnya Pelancongan Islam.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam

Menurut Hamira Zamani-Farahani (2010) agama memainkan peranan penting dalam pembangunan industri sesuatu negara. Kajian yang dijalankan oleh Mohamed Battour (2014) menunjukkan bahawa agama sesuatu negara mempunyai kaitan dengan kepuasan pelancong dari luar negara. Sehubungan dengan itu, Pelancongan Islam ditakrifkan sebagai mana-mana kegiatan, peristiwa, pengalaman atau penglibatan, yang dilalui didalam keadaan penjelajahan yang akur pada nilai serta hukum Islam, dengan tujuan untuk menikmati dalam sebuah kerangka Islam, sama ada salah satu atau kesemua dari yang berikut: sejarah, seni, budaya, warisan, cara hidup, ekonomi, kesihatan, pendidikan atau mana-mana dimensi hidup manusia.

Secara tradisi, pelancongan Islam dikaitkan dengan aktiviti keagamaan seperti haji dan umrah. Dimensi pelancongan Islam menjadi semakin meluas apabila semakin ramai manusia mula menjelajah keluar ke destinasi-destinasi Islam yang lain.

Kewujudan dimensi baru ini telah mendorong kepada perubahan dan perkembangan komponen-komponen lain yang berkaitan dengan industri pelancongan, misalnya industri makanan, penerbangan atau industri pengangkutan dan sebagainya, untuk memenuhi keperluan segmen yang unik ini. Ini termasuklah usaha yang telah dijalankan oleh institusi pengajian tinggi di negara ini yang memperkenalkan kursus Bahasa Arab untuk Tujuan Pelancongan di dalam pengajian peringkat ijazah sarjana muda. (Mohammad Najib, 2013 : 1) Kursus ini ditawarkan bagi memenuhi keperluan pasaran dalam sektor pelancongan. Menurut Abdul Rahman Chik (2007) Bahasa Arab Pelancongan merupakan salah satu bidang Bahasa untuk Tujuan Khusus yang memerlukan laras bahasa dan istilah-istilah khusus serta mempunyai modul pengajaran yang tersendiri. Manakala Bahasa Arab untuk Tujuan Pelancongan Islam pengkaji menyimpulkan bahawa kursus ini bermatlamat untuk melahirkan pemain industri yang mahir menggunakan bahasa Arab yang mengambil kira prinsip syariah sebagai panduan di dalam pengurusan pelancongan.

Kepentingan Bahasa Arab dalam Industri Pelancongan Islam di Malaysia

Pelancong Arab mula menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan mereka pada setiap kali percutian musim panas. Jumlah mereka melancong ke Malaysia semakin bertambah setiap tahun khususnya setelah berlakunya peristiwa 11 September 2011 (Mohammad Najib, 2016). Peristiwa ini memberi kesan besar terhadap trend pelancong Arab kerana mereka menghadapi kesukaran mendapatkan visa untuk ke Amerika Syarikat dan Eropah. Pada masa yang sama, mereka terpaksa keluar dari tanah air mereka kerana cuaca panas di sana kadang-kala mencecah 50 Celcius. Tambahan pula, Malaysia dianggap bertuah kerana memiliki aset berharga dengan kekayaan alam tropika yang mewah dengan kepelbagaian flora dan fauna dan masyarakat berbilang kaum. Tidak kurang juga pusat membeli belah yang tumbuh bagai cendawan di negara ini menggamit para pelancong dari Timur Tengah. (Bernama, 16 September 2007)

Statistik Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*) menunjukkan 21.75 peratus daripada 25 juta orang pelancong asing yang melawat Malaysia pada tahun 2012 terdiri daripada pelancong Muslim. Negara Indonesia dan Singapura menunjukkan jumlah pelancong Muslim yang tertinggi, iaitu masing-masing 2.10 juta orang dan 1.95 juta orang. Kemudian, disusuli oleh negara Timur Tengah (Emiriah Arab bersatu, Arab Saudi, Bahrain, Syria, Lubnan, Mesir, Yaman, Oman, Qatar, Iraq, Kuwait, Jordan, Maghribi, Algeria, Libya, Tunisia, Sudan, Habsyah, Djibouti, dan Mauritiana) sebanyak 138 869 orang pelancong Muslim. Manakala, negara Iran mencatatkan jumlah pelancong Muslim sebanyak 126 894 orang. Malaysia juga menjadi tumpuan pelancong Muslim dari Rusia (2910 orang).

Yang menariknya, kedatangan pelancong Muslim ini menunjukkan peningkatan ketara semenjak tahun 2000. Jika dilihat pada jumlah ketibaan pelancong, pendapatan purata penginapan dan per kapita tahun 2011, negara utama Timur Tengah, iaitu Arab Saudi mencatatkan peningkatan jumlah kedatangan pelancong, iaitu 86 771 orang (2010) kepada 87 693 orang (2011). Purata tempoh penginapan mereka pula ialah antara 9.3 hari dengan 9.6 hari, manakala purata perbelanjaan per kapita mereka meningkat, iaitu RM8047.1 (2010) kepada RM8154.8 (2011). Jumlah pendapatan daripada aktiviti pelancongan pula mencatatkan peningkatan, iaitu RM698.3 juta (2010) kepada RM717.1 juta (2011). Sementara itu, 96.6 peratus orang pelancong Muslim dari negara Arab Saudi ini kebanyakannya sudah berkahwin. Mereka datang ke Malaysia dengan tujuan percutian (66.0 peratus), menjalankan perniagaan (21.8 peratus), dan menghadiri persidangan atau konvensyen (9.2 peratus). Aktiviti yang dijalankan pula adalah seperti membeli-belah (97.2 peratus), melawat bandar raya (92.1 peratus), melawat desa (66.4 peratus), dan mengembara (49.7 peratus).

Memang tidak dapat dinafikan peningkatan ketara pelancong Islam dari negara Timur Tengah ini disebabkan oleh peristiwa 11 September 2001. Bagi menyusun pelbagai program pembangunan pelancongan tempatan dan penyusunan strategi pemasaran produk budaya tempatan kepada pelancong Muslim, kerajaan melalui Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*) menubuhkan Islamic Tourism Malaysia atau Pusat Pelancongan Islam (ITC) pada 16 Mac 2009. ITC didaftarkan sebagai Syarikat Berhad menurut Jaminan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965. (Abdul Ghani Abu, Dewan Budaya Mac 2013)

Kerajaan Malaysia telah mengadakan pelbagai usaha untuk menggalakkan pelancong Arab datang ke Malaysia. Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan syarikat penerbangan

yang lain, video dokumentari mengenai Malaysia ditayangkan semasa penerbangan dalam bahasa Arab, terutama 30 minit sebelum mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Video ini menerangkan maklumat penting berkaitan negara kita. Ambassador Arab yang bertugas sebagai penyambut tetamu kepada pelancong berbangsa Arab akan bersedia di balai ketibaan untuk menyambut para pelancong daripada Timur Tengah. Mereka yang bertugas sebagai Ambassador Arab merupakan pelajar yang fasih berkomunikasi dalam bahasa Arab. Program Ambassador Arab ini sememangnya hanya khusus kepada pelancong Arab sahaja dan ini merupakan keistimewaan dan keutamaan yang disediakan kepada mereka berbanding pelancong lain. (Sulaiman Ismail, 2008 : 20). Bagi pelancong Arab masih ramai di kalangan mereka yang tidak fasih berbahasa Inggeris, oleh yang demikian mereka memerlukan orang yang boleh berkomunikasi dan memberikan panduan dalam bahasa Arab di samping papan tanda dalam tulisan Arab untuk menunjuk arah lokasi yang terdapat di dalam KLIA (Sulaiman, 2008 : 17-18) Papan tanda berbahasa Arab ini memudahkan urusan mereka khususnya penumpang Muslim untuk urusan mengerjakan solat dan mendapatkan makanan yang halal. Sebagai makluman, KLIA menyediakan ruang solat yang boleh didapati di semua peringkat bangunan terminal utama dan bangunan satelit dan 25 gerai makanan yang halal di kawasan umum dan kawasan transit. (www.halaltrip.com).

Pelancongan Pendidikan

Dalam pada itu, kerajaan Malaysia berusaha untuk memastikan pendidikan bertaraf dunia dapat disediakan di negara ini. Para pelajar dari seluruh dunia datang ke Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka. Pelancongan pendidikan adalah suatu usaha mempromosikan Malaysia di mata dunia (Sim, 2007). Tambahan pula, Malaysia merupakan negara yang terkenal sebagai negara Islam yang mengamalkan sikap sederhana dan toleransi yang baik dalam kalangan masyarakat antarabangsa. Malaysia disegani sebagai sebuah negara contoh dalam kalangan negara Islam di Timur Tengah seperti Jordan, Mesir, Iraq, Libya, Yaman, Arab Saudi, dan sebagainya. Pelajar luar negara dalam kalangan negara Arab dan pelajar Islam negara lain berasa begitu selesa berada di Malaysia. Mereka dapat hidup, melaksanakan tugas sebagai pelajar, dan bergaul dengan selesa dengan masyarakat setempat. Mereka juga bebas beribadat dan melaksanakan ibadat masing-masing bersama masyarakat tempatan. Kemudahan untuk beribadat dan mendapatkan makanan halal juga memberikan impak yang positif. (IPPTN, 2009) Pada 2005 bilangan pelajar Timur Tengah yang belajar di Malaysia adalah seramai 6,000 pelajar dan 550 pelajar dari Libya. Dari Arab Saudi (330), Oman (497), Libya (549), Sudan (802), Iran (1,228) dan Yemen (1,544). Lain-lain termasuklah dari Jordan, Iraq, Palestin, Mesir, Algeria, Lebanon, Djibouti, Tunisia - yang berjumlah 1,096. (Utusan Malaysia, 3 mei 2006).

Selain faktor kualiti pendidikan, program berkembar dengan universiti luar negara, keunikan budaya Malaysia, sistem pengangkutan yang efisien, kestabilan politik dan persekitaran fizikal, kestabilan keadaan cuaca, (Ruzanna Syamimi, 2012 : 59-62) faktor bahasa dan komunikasi juga adalah penting bagi pelajar yang datang dari luar negara. (IPPTN 2009). Dasar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang menjadikan bahasa Arab dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di dalam pengajaran dan pembelajaran serta urusan rasmi universiti, menjadi kriteria pilihan pelajar dari luar negara terutama dari Timur Tengah. (www.iiu.edu.my) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut mewajibkan penggunaan bahasa Arab bagi kursus-kursus tertentu. (www.usim.edu.my) Manakala universiti lain seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), membenarkan penggunaan bahasa Arab bagi penulisan disertasi atau tesis bagi bidang pengajian tertentu. (um.edu.my, ukm.edu.my).

Selain daripada melanjutkan pengajian tinggi, terdapat juga ahli akademik, penyelidik, pegawai kerajaan mahu pun pelajar dari Timur Tengah datang ke negara ini untuk tujuan menghadiri seminar, sama ada sebagai pembentang kertas kerja mahu pun peserta. Seminar antarabangsa seperti *International Conference on Arabic language and Islamic Civilisation* (ICASIC) anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), *International Conference on Arabic Language and Literature* (ICALL) anjuran UIAM, *The International Language and Education Conference* (iLEC) anjuran USIM sentiasa menggamit para ilmuan dari Timur Tengah untuk hadir membentang kertas kerja dan mendaftar diri sebagai peserta. Di dalam seminar-seminar ini kajian-kajian mengenai linguistik serta kesusasteraan Arab dibincangkan secara ilmiah. Bahasa pengantar yang digunakan semasa seminar bersidang adalah bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu (<https://icasic.org>, www.iium.edu.my/icall/, www.ilec2015.usim)

Pelancongan Perniagaan

Selain daripada itu, antara faktor utama kedatangan pelancong Arab ke Malaysia adalah untuk tujuan perniagaan dan perdagangan antarabangsa. (Abdul Ghani Abu, Dewan Budaya Mac 2013). Pameran Halal Antarabangsa Malaysia 2016 (MIHAS 2016) yang berlangsung Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) berjaya menarik lebih ramai peserta luar negara bagi memperkenalkan produk makanan berasaskan kesihatan di negara ini. Negara-negara Asia Barat berkesempatan untuk memperkenalkan produk baharu yang didatangkan khas dari negara mereka. (Utusan Malaysia, 1 April 2016). MIHAS 2016 disertai lebih 500 syarikat tempatan dan antarabangsa dengan 643 gerai pameran. (Utusan Malaysia, 1 April 2016).

Menurut Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Wan Latiff Wan Musa berkata kedudukan Malaysia sebagai antara negara pelopor bagi industri halal juga memberi kelebihan kepada negara untuk menjadi antara destinasi yang menarik minat pengeksport bahan halal. (Nabila Yasmin Razib, Utusan Malaysia : 30 Mac 2016). Sesi perjumpaan diadakan menerusi suai niaga iaitu menemukan peniaga tempatan dan pembeli asing. Menerusi kaedah ini, kedua-dua pihak dapat mengenali antara satu sama lain. Malah pihak MATRADE dengan kerjasama daripada Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) menyediakan penterjemah bahasa bagi memudahkan kedua-dua pihak. (Fadzil Zainol, Utusan Malaysia, 4 April 2014 ; 17-19) Memandangkan di antara peserta MATRADE ini adalah ahli perniagaan dari Timur Tengah, maka penterjemah Arab – Melayu/Inggeris – Arab disediakan bagi urusan suai niaga ini. Selain sektor makanan dan perkhidmatan, pelabur Arab juga berminat untuk melabur di dalam sektor hartanah di Malaysia. Terdapat usaha sama di pemaju hartanah Dubai, Arab Saudi dan Malaysia untuk membina Bandaraya Arab di Ampang, Kuala Lumpur.

Menurut seorang pemaju hartanah Arab, setelah mengkaji pasaran dunia, mereka mendapati bahawa Malaysia sahajalah lokasi yang baik untuk melabur. Budaya Malaysia boleh diterima oleh mana-mana rakyat asing dengan mudah. Disamping itu, Malaysia mempunyai infrastruktur yang baik dan dianugerah sumber alam semula jadi dan diperkukuhkan lagi dengan kestabilan politiknya. Mereka tidak pernah mendengar mengenai keganasan berlaku di Malaysia. Dalam semua aspek mereka mendapati bahawa Malaysia tempat yang tepat untuk memulakan pelaburan mereka. (Utusan Malaysia, 26 Januari 2009)

Pelancongan Kesihatan

Kedatangan pelancong Arab ke Malaysia tidak terhad kepada tujuan pendidikan dan perniagaan sahaja, malah ada juga di antara mereka datang ke negara kita untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan di pusat-pusat perubatan. Secara umumnya, permintaan terhadap pelancongan kesihatan di Asia semakin meningkat terutama di India, Thailand, Singapura, Malaysia, Korea Selatan dan Filipina. Para pelancong dari seluruh dunia terutama dari Amerika Syarikat, Britain, Eropah, Jepun dan negara-negara Teluk merupakan pasaran utama bagi pelancongan kesihatan di rantau ini. (<http://www.asharqalawsat.com>, 21 Januari 2007)

Malaysia kini memberi tumpuan kepada industri pelancongan kesihatan sebagai salah-satu sumber ekonomi negara dengan mengambil faktor kedudukannya yang berada di Asia Tenggara yang menjadi tumpuan pelancong Timur Tengah. Beliau juga menyatakan bahawa antara faktor industri ini berkembang pesat di Malaysia adalah disebabkan terdapatnya kemudahan untuk membayar kos rawatan di samping prasarana kemudahan perubatan yang disediakan adalah bertaraf antarabangsa. Menurut Perbadanan Pelancongan Malaysia, kepakaran perubatan di Malaysia telah mencapai standard yang terbaik di dunia. (Madhu Pillai, 2008 : 62) Kebanyakan hospital swasta mendapat pengiktirafan antarabangsa dengan mencapai kualiti dan standard yang tinggi. Tambahan pula, semua pusat perubatan swasta perlu mendapat kelulusan dan kebenaran daripada Kementerian Kesihatan. (<http://www.bernama.com> 26 September 2008) Kebanyakan hospital di Malaysia menyediakan ruang untuk pesakit yang terdiri daripada bilik rawatan atau wad yang mewah dan *suite* yang selesa dengan perkhidmatan jururawat sepenuh masa. (Madhu Pillai, 2008 : 62) Beberapa hospital juga menyediakan tempat tidur bagi penjaga yang menemani pesakit. Dengan harga yang berpatutan, kebanyakan pesakit asing mendapatkan *suite* yang mewah bagi keselesaan dirinya dan mereka yang mengeringinya.

Dalam pada itu, Malaysia mempunyai ciri-ciri pantai yang banyak menarik. Tidak hairanlah jika pelancong memilih hotel dan resort yang berada di sepanjang pantai sebagai sebahagian terapi minda mereka. Ramai juga memilih untuk mendapatkan rawatan pemulihan badan semula jadi melalui mandian kolam air panas. Iklim Malaysia yang panas dan lembab sepanjang tahun membolehkan banyak aktiviti pelancongan dijalankan. Dengan kemudahan hotel yang mewah dan lebuhraya yang luas, cuti terapeutik di Malaysia adalah pilihan tepat bagi pelancong yang boleh dinasihatkan oleh doktor.

Model Analisis Keperluan Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam

Analisis Keperluan (juga dikenali sebagai Penilaian Keperluan) mempunyai peranan yang penting dalam proses merekabentuk dan mengendalikan kursus pembelajaran bahasa, sama ada Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus atau kursus umum bahasa Arab dan keutamaannya telah diakui oleh beberapa ilmuan (Munby, 1978; Richterich and Chancerel, 1987; Hutchinson and Waters, 1987; Berwick, 1989; Brindley, 1989; Tarone and Yule, 1989; Robinson, 1991; Johns, 1991; West, 1994; Allison *et al.* 1994; Seedhouse, 1995; Jordan 1997; Dudley-Evans and St. John, 1998; Iwai *et al.* 1999; Hamp-Loyns, 2001; Finney, 2002).

Teori Analisis Keperluan Bahasa

Analisis keperluan merupakan satu proses yang dijalankan secara sistematik dan menyeluruh untuk meneroka keperluan terhadap sesuatu perkara. Dalam bidang bahasa sebagai contoh, banyak definisi telah dikemukakan oleh sarjana bahasa berkenaan analisis keperluan ini.

Nunan (1988:5) mentakrifkannya sebagai suatu teknik atau prosedur dalam mengumpul serta menghimpun maklumat yang dikehendaki dalam membentuk suatu modul atau program bahasa. Keberkesanan dan kejayaan sesuatu program bahasa adalah hasil daripada penerokaan dan pengumpulan terhadap keperluan berbahasa pelajar.

Brown (1995:36), melihat analisis keperluan sebagai suatu pengumpulan dan analisis yang menyeluruh dan sistematik terhadap segala maklumat yang konkrit dan subjektif dalam menentukan keberkesanan dan keampuhan sesuatu kurikulum atau program dalam memenuhi kehendak dan keperluan pembelajaran bahasa seseorang pelajar yang berada dalam lingkungan pengkhususan tertentu serta mampu mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran. Analisis keperluan yang dilaksanakan dapat dijadikan satu senarai lengkap terhadap apa yang ingin dicapai dan disasar oleh pelajar. Ia sangat berguna dalam proses membangunkan bahan-bahan pembelajaran, aktiviti-aktiviti pembelajaran, menilai dan membangunkan strategi pengajaran dan pembelajaran, membina pendekatan berkesan dalam sistem penilaian, serta berupaya dalam menilai semula keberkesanan dan kesesuaian program dengan keperluan asal pelajar.

Iwai et al. (1999:6) menyebut bahawa secara umumnya analisis keperluan merujuk kepada aktiviti yang dilaksanakan dalam mengumpul maklumat untuk dijadikan asas dalam membina suatu kurikulum yang dapat memenuhi keperluan kelompok pelajar. Keperluan tersebut disusun mengikut keutamaan hasilnya yang efektif.

Analisis keperluan bukan semata-mata pemerhatian terhadap aspek yang ingin dipelajari atau cara bagaimana bahasa itu dipelajari, malah ia juga mengambil kira beberapa pemboleh ubah, emosi dan cara pemikiran yang akan mempengaruhi proses pembelajaran seperti motivasi, sikap, keprihatinan, kepekaan, sahsiah, matlamat dan gaya belajar (Brindly, 1989)

Sementara itu, Tu'aimah (1989) meletakkan satu ikatan kuat antara analisis keperluan dengan pembelajaran bahasa untuk tujuan khusus. Dalam mendefinisikan pembelajaran untuk tujuan khusus beliau menyatakan ia merupakan suatu pengajaran yang khusus untuk golongan tertentu yang mempunyai kandungan dan kemahiran bahasa yang spesifik bagi mencapai hasil pembelajaran yang komprehensif.

Objektif Analisis Keperluan Bahasa

Bagi tujuan membentuk pendidikan Bahasa yang mengimbangi keperluan institusi, pendidik dan peserta program, analisis keperluan menjadi suatu kaedah yang penting untuk menentukan material termasuk sukatan pelajaran bahasa untuk tujuan khusus. Pembinaan sesuatu kurikulum bahasa perlu mengambil kira analisis keperluan termasuk sukatan pelajaran (Evans & Maggie, 1998; Nation & Macalister, 2010). Analisis keperluan ialah suatu prosedur yang berterusan yang diwujudkan sebelum kursus atau program dilaksanakan (Evans & Maggie, 1998; Kharm, 1998; Nation & Macalister, 2010; Richards, 2001; Richterich & Chanceral, 1980), ketika dilaksanakan (Nation & Macalister, 2010; Richterich & Chanceral, 1980) dan selepas dilaksanakan (Nation & Macalister, 2010; Richards, 2001; Richterich & Chanceral, 1980).

Sekalipun begitu, Graves (2008) berpandangan bahawa analisis keperluan ialah suatu proses yang tidak teratur dan tidak sempurna kerana keperluan pelajar ditentukan dari pelbagai pihak iaitu bukan sahaja pelajar dan tenaga pengajar, tetapi turut melibatkan pihak atasan dalam kalangan pelbagai pihak. Menurut beliau, kepelbagaian pandangan boleh

mencetuskan konflik. Pandangan Graves (2008) perlu dilihat dari konteks yang lebih positif kerana konflik boleh diatasi dengan memilih individu yang betul serta mampu memberi maklumat sesuai. Pemilihan individu yang sesuai dapat menjana kepakaran yang berbeza dan melengkapkan keperluan bahasa yang diperlukan untuk pembinaan sukatan pelajaran bahasa. Sukatan pelajaran yang seimbang dengan keperluan bahasa memberi manfaat terhadap hasil pembelajaran (Nation & Macalister, 2010) selain pemahaman pendidik terhadap kurikulum yang perlu dikembangkan (Print, 1993) untuk kepentingan peserta kursus bertitik tolak antaranya melalui analisis keperluan bahasa.

Reka Bentuk Analisis Keperluan Bahasa

Para sarjana bahasa telah mencadangkan pelbagai model atau pendekatan berkenaan analisis keperluan. Kaewpet (2009) merumuskan bahawa terdapat empat modul atau pendekatan yang paling dominan iaitu Model Sosiolinguistik (Munby, 1978), Pendekatan Sistemik (Richerich & Chancerel, 1977), Pendekatan berpusatkan pembelajaran (Hutchinson & Waters, 1987) dan Pendekatan berpusatkan pelajar (Berwick & Brendleys, 1989). Kajian ini menggunakan model atau pendekatan berpusatkan pembelajaran (Hutchinson & Waters, 1987). Pendekatan berpusatkan pembelajaran telah diperkenalkan oleh Hutchinson dan Waters (1987).

Kepentingan Analisis Keperluan Bahasa

Dalam usaha merealisasikan penghasilan dan pembinaan suatu program bahasa yang lengkap, padat dan praktikal, segala aspek dan faktor yang berkaitan perlu diambil pertimbangan. Polisi bahasa, harapan dan keperluan masyarakat, pengetahuan berkenaan sumber-sumber dan halangan-halangan program perlu dijadikan asas dalam menentukan kejayaannya. Aspek situasi, matlamat, sukatan pelajaran, prosedur serta teori pengajaran dan pembelajaran, pengujian dan pengetahuan berkenaan ciri-ciri semulajadi pelajar perlu diberi perhatian serius dalam memantapkan lagi keberhasilannya. Segala maklumat berkaitan aspek tersebut hanya boleh diperoleh melalui analisis keperluan (Najjah Salwa, et.al. 2012:656).

Oleh itu, ramai sarjana bahasa menekankan proses analisis keperluan ini dalam pembentukan suatu silibus atau program bahasa. Taba (1962) sebagai contoh menjelaskan bahawa langkah terawal dalam perancangan dan pembentukan kurikulum atau silibus adalah dengan melaksanakan analisis keperluan. Malah ia perlu dijadikan prasyarat penting dalam menentukan pembentukan objektif atau kandungan suatu program bahasa yang berkesan (Brindley, 1989). Brown (1995), melihat bahawa analisis keperluan ini sebagai satu langkah permulaan yang penting dalam membangunkan sesuatu kurikulum atau program bahasa yang lengkap dan menyeluruh.

Richards (1984) telah menggariskan bahawa untuk menghasilkan satu program bahasa yang mantap dan berkesan perlu melalui beberapa peringkat yang perlu dilaksanakan. Peringkat tersebut perlu bermula dengan menentukan keperluan-keperluan pelajar, diikuti dengan pembentukan objektif bagi memenuhi keperluan tersebut, kemudian bahan, diikuti pemilihan aktiviti, pendekatan serta program pembelajaran yang sesuai bagi mencapai keperluan-keperluan tersebut serta diakhiri dengan penilaian hasil.

Penutup

Kementerian Pelancongan Malaysia menyokong segala usaha untuk meningkatkan bilangan pelancong Asia Barat Islam ke Malaysia. Jesteru itu, kajian susulan perlu dilakukan untuk

mengetahui realiti sebenar faktor pelancong Arab memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan Islam. Kajian tersebut juga perlu mengkaji persepsi mereka mengenai kelemahan atau kekangan penggunaan bahasa Arab dalam sektor pelancongan Islam di Malaysia. Di samping itu, analisis perlu dijalankan terhadap kehendak mereka terhadap penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pelancongan Islam. Kajian ini akhirnya akan mencadangkan modul Bahasa Arab Untuk Pelancongan Islam kepada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Lembah Klang, Malaysia.

Bibliografi

- Al-Quran Al-Karim. Pimpinan ar-Rahman
- Abdul Ghani Abu. *Malaysia Destinasi Utama Pelancongan Islam*. Dewan Budaya. (2013, Mac). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abdul Halim bin Salleh. (2005). *Tasmim Wahdat Dirasiyyah Lil Hujjaj Wa Al-Mu'tamirin Al-Maliziyyin Fi Ta'lim Lughah Al-Arabiyyah Li Aghrad Khassah*. Kuala Lumpur: Kuliyyah Ilmu Wahyu & Sains Kemanusiaan, University Islam Antarabangsa Malaysia.
- Allison, D., R., and Lam, A. (1994) Laying down the law? Reflecting on course design in progress. *Hong Kong Papers in Linguistics and Language Teaching*, Vol, 17 pp. 1-11
- Berwick, R. (1989) *Needs Language Programming: From Theory to Practice*. In Johnson R. K. (Ed). *The Second Language Curriculum* (pp. 48-62). Cambridge University Press.
- Brindley, J.G.(1989). *The Role of Needs Analysis in Adult ESL Design*. Dlm. Johnson. (Pnyt). *The Second Language Curriculum*, (pp:63-78). Cambridge: Cambridge University Press.
- Brown, J.D. (1995). *The Element of Language Curriculum: A Systematic Approach to Programme Development*. New York: Heinle & Heinle.
- Dudley-Evans, T. and St. John, M. (1998). *Developments in ESP: A Multi-Disciplinary Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Evans and Maggie Jo St John. 1998. *Developments in English for Specific Purposes. A Multi-Disciplinary Approach Tony Dudley*. Cambridge: CUP. 301
- Finney, D. (2002). *The ELT Curriculum: A Flexible Model for a Changingworld*. In Richards, J. C. & Renandya, W. A. (eds). *Methodology in Language Teaching: An Anthology if Current Practice*. (pp. 69-79). Cambridge: Cambridge University Press.
- Graves, K. (2008). *The language curriculum: A social contextual perspective*. *Language Teaching*, 41(02),
- Hamp-Lyons, L. (2001). *English for Academic Purposes*. In: Carter, R. and Numan, D. (Eds). *The Cambridge Guide to Teaching English to Speakers of Other Languages*. (pp. 126-130), Cambridge: Cambridge University Press.
- Hamira Zamani-Farahani Joan C. Henderson. (2010). *Islamic Tourism and Managing Tourism Development in Islamic Societies: The Cases of Iran and Saudi Arabia*. *International Journal of Tourism Research* Volume 12, Issue 1, pages 79–89, January/February
- Hj Sulaiman bin Ismail. (2008). *Persepsi Pelancong Arab Dan Pihak Penyedia Perkhidmatan Terhadap Penggunaan Bahasa Arab Dalam Penyampaian Maklumat Dan Informasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)*. Laporan Penyelidikan. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hutchinson, T. & Waters, A. (1987). *English for Specific Purposes: A Learning-Centered Approach*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Huzanna Syamimi Ramli. (2012) *Pelancongan Pendidikan: Tinjauan Konseptual dan Potensinya di Malaysia*.
- Hyland, K. (2009). *Specific Purposes programmes*. In Long, M.H. & Doughty, C. (Eds.) *Handbook of Language Teaching*. Oxford: Blackwell.
- Iwai, T. Kondo, K, Limm, S.J.D, Rey, E.J., Shimizu, H., and Brown J.D. (1999). *Japanese Language Needs Analysis*. Available at <http://www.nflrc.hawaii.edu>
- Johns, A. (1991). *English for Specific Purposes: Its History and Contribution*, In Celce-Murcia, M. (ed). *Teaching English as a Foreign Language* (pp. 67-77). Boston, MA: Heinle & Heinle.
- Jordan, R. R. (1997) *English for Academic Purposes: A Guide and Resource Book for Teachers*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kadir Din. (1989) *Islam and Tourism: Patterns, Issues and Options*. *Annals of Tourism Research* 16(4), 542-563.
- Kaewpet, C. (2009). *Communication needs of Thai civil engineering students. English for Specific Purposes*, 28(4), 266–278. doi:10.1016/j.esp.2009.05.002.
- Madhu Pillai. (2008). *Visitor's Guide to Malaysia*. Kuala Lumpur: Pencetakan Zanders.
- Malaysia Ruzanna Syamimi Ramli Jabil bin Mapjabil Ahmad Tharmizzie bin Mat Jusoh New Gaik Ling. (2011). *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI ke, Jilid 2. Pelancongan Pendidikan: Tinjauan Konseptual dan Potensinya di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohamed Battour, Mohd Nazari Ismail, Moustafa Battor, Muhammad Awais. (2014). *Islamic Tourism: An Empirical Examination of Travel Motivation and Satisfaction in Malaysia, Current Issues in Tourism*, Page 1-18 Received 23 Sep 2013, Accepted 10 Sep 2014, Published online: 20 Oct 2014
- Mohammad Najib Jaafar. (2013). *Tahlil Al-Hajat Mutkhasisi Al-Lughah Al-Arabiyyah wa Al-Ittisolat bi Jamiah Al-Ulum Al-Islamiyyah Al-Maliziyyah fi Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Aghradh Al-Siyahah*. Laporan Penyelidikan. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohammad Najib Jaffar, Kirembwe Rashid Abdul Hamed dan Hishomuddin Ahmad. (2013). *Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti Sains Islam Malaysia*. 'Ulum Islamiyyah Vol. 10 (June) 2013. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- Mohammad Najib Jaffar. (2013) *Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan Di IPT Malaysia*. Laporan Penyelidikan. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohammad Najib Jaffar, Noor Azizi Ismail, Kirembwe Rashid Abdul Hamed dan Hishomuddin Ahmad. (2016) *Model Pembangunan Kurikulum Bahasa Arab Untuk Pelancongan*. Laporan Penyelidikan. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nation, I.S.P. & Macalister, J. (2010). *Language Curriculum Design*. United Kingdom: Routledge.
- Nunan, D. (1988). *Syllabus Design Oxford*: Oxford University Press.
- Najjah Salwa Abdul Razak, Zulkarnain Mohamed, Maheram Ahmad, Ezat Azraai Jamsari. (2012). *Pembinaan Kurikulum Bahasa Arab Berasaskan Analisis Keperluan*. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2012, UKM*. (pp:648-690).
- Print, M. (1993). *Curriculum Development and Design*. Australia: Allen & Unwin Pty Ltd.
- Richterich, R. & Chancerel, J. L. (1980). *Identifying the Needs of Adults Learning a Foreign Language*. Oxford: Pergamon.
- Seedhouse, P. (1991). *Needs Analysis in and The Genral English Classroom. ELT Journal*, 49/1, pp. 59-65
- Sim, C.L. (2007). "Pelancongan Pendidikan & Pelancongan" dalam MICE: Edu Quest.

- Taba, H. (1962). *Curriculum Development: Theory & Practice*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Tarone, E. and Yule G. (1989). *Focus on Language Lerner*. Oxford: Oxford University Press.
- Tu'aimah, Rushdi Ahmad. (1989). *Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Ghairin Natiqina Biha: Manahijuhu wa Asalibuhu*. Rabat: ISESCO.
- West, R. (1994). *Needs analysis in Language Teaching*. *Language Teaching*, 27/1, 1-19.
- Zalika Adam, Abdul Rahman Chik. (2008). *Barnamij Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Aghradh AL-Siyahah fi Maliziyya: Dirasah Tahliliyyah li Al-Hajat*. *Barnamij Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah li Aghradh Al-Siyahah*. Mesir: Jamiah Almaniyya Al-Misriyyah.
- Zalika Adam, Abdul Rahman. (2007). *Al-Hajat Ila Daurah Al-Lughah Al-Arabiyyah li Aghradh AL-Siyahah fi Maliziyya*. Al-Mu'tamar Al-Alami li Ta'lim Al-Lughah Al Arabiyyah.
- Zalika Adam. (2013). *Ta'lim Al-Arabiyyah li Aghradh Siyahiyyah fi Maliziyya : Tahlil Al-Hajat wa Tasmim Wihdah Dirasiyyah*. Tesis PhD. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Utusan Malaysia, 1 April 2016
- Utusan Malaysia, 26 Januari 2009
- Utusan Malaysia, 3 Mei 2006
- Utusan Malaysia, 4 April 2014
- Utusan Malaysia, 30 Mac 2016

Internet

- <https://icasic.org>,
- www.asharqalawsat.com, 21 Januari 2007
- www.bernama.com 26 September 2008
- www.bernama.com, 16 September 2007
- www.halaltrip.com
- www.iium.edu.my/icall/
- www.ilec2015.usim, 23 Disember 2015
- www.itc.gov.my/
- www.ukm.edu.my
- www.um.edu.my
- www.usim.edu.my